

03/07/1997

Mengelakkan Internet jadi kawasan merah

Dr Mustafa Daud

ANTARA cara utama untuk mengatasi gejala bohsia ialah mengenali dan memperkukuh diri remaja. Setiap remaja seharusnya memperkukuh ketahanan diri sendiri. Mereka perlu membina benteng untuk mempertahankan diri daripada sebarang pengaruh negatif khususnya gejala seks rambang. Mereka perlu kepada pegangan dan matlamat hidup yang jelas. Mereka perlu memupuk budaya diri yang mantap, menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan.

Nilai dan ajaran agama Islam yang sejati adalah benteng pertahanan kerohanian yang berupaya memelihara remaja daripada gejala negatif. Hal ini dijelaskan oleh Allah dalam Surah al-Israk: 17:32 yang bermaksud: "Dan janganlah kamu mendekati zina. Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan satu jalan yang buruk."

Ajaran akidah, syariah dan akhlak menjadi tonggak kekuatan setiap umat Islam. Itulah yang dibuktikan oleh umat Islam sejak zaman Rasulullah dan di puncak zaman keagungan tamadun Islam. Sehingga mereka digeruni dan menjadi teladan kepada tamadun Barat dan Timur yang dibina kemudian.

Ibu bapa pula bertanggungjawab membina keluarga bahagia. Rumah harus menjadi syurga dunia bagi anak-anak. Ini kerana institusi keluarga adalah asas pembinaan masyarakat, negara dan umat Islam. Kekuatan masyarakat, negara dan umat Islam bergantung kepada kekukuhan dan kemantapan institusi keluarga. Jika lemah dan runtuh institusi keluarga maka runtuhlah masyarakat, negara dan umat Islam.

Ibu bapa bertanggungjawab menjadi teladan yang baik kepada anak. Oleh itu, ibu bapa perlu membina personaliti yang digalakkan oleh Islam. Selepas itu mereka bertanggungjawab mengasuh dan mendidik anak-anak supaya menjadi anak yang salih. Anak wajar didedahkan kepada keperitan dan penderitaan hidup agar mereka insaf dan sedar mengenai tanggungjawab sebagai khalifah Allah.

Anak juga wajar dididik supaya menghormati ibu bapa. Anak adalah amanah Allah yang perlu dipelihara, diberikan kasih sayang tetapi bukan dengan kemewahan dan wang yang berlebihan. Ibu bapa wajar meluangkan masa untuk bersama anak-anak. Hubungan yang erat dan mesra juga wajar dibina. Komunikasi yang berkesan amat wajar manakala agama menjadi teras dalam mendidik anak-anak dan diplomasi penting dalam pelaksanaannya.

Anak juga harus diajak berfikir secara terbuka dalam semua hal termasuk dalam seks. Mereka perlu disedar, diinsaf, diberikan kefahaman dan pengetahuan secukupnya terhadap fungsi dan tanggungjawab terhadap seks dalam erti kata sebenarnya.

Ibu bapa wajar mengambil tahu semua masalah anak mereka. Masalah mereka cuba diselesaikan sebaik mungkin. Kaunseling dan bimbingan diperlukan agar mereka boleh berdikari menyelesaikan masalah sendiri. Ibu bapa wajar mengelakkan daripada menyinggung perasaan dan ego anak-anak. Kegiatan anak juga wajar diambil tahu oleh ibu bapa. Ke mana ia pergi, siapa kawan mereka dan segala kegiatan mereka perlu ada dalam perhatian dan pengetahuan ibu bapa agar tindakan segera boleh diambil jika mereka mula terbabit dengan gejala negatif. Bagaimana dengan pendidikan seks? Remaja seharusnya didedahkan mengenai pengetahuan, kefahaman, kesedaran, keinsafan dan penghayatan seks dan fungsinya yang suci murni serta pemeliharaan dan pengawalannya secara bertanggungjawab dan beramanah. Selama ini, mereka mendapat pengetahuan seks melalui cerita rakan sebaya dan media massa, yang kebanyakannya dalam bentuk lucah, ganas serta menjijikkan terutama melalui video dan komputer. Persekutuan Keibubapaan

Terancang Antarabangsa merancang kurikulum untuk pelajaran seks. Di Britain kurikulum itu diperkenalkan dan terbukti dapat mengurangkan kadar kehamilan yang tinggi sebelum ini.

Di Malaysia pada 1 Disember 1994, Datuk Lim Kim Sai, Menteri Kesihatan pada ketika itu mencadangkan mata pelajaran seks di sekolah untuk mengatasi gejala seks rambang. Di Barat sudah wujud pelajaran Kajian Wanita (Woman Studies). Tetapi setakat ini gejala seks bebas masih gagal dibendung sepenuhnya.

Didikan untuk bertanggungjawab terhadap seks tidak banyak melainkan kembali memperkenalkan pelajaran munakahat yang terdapat di dalam fikah Islam yang mantap dan sesuai untuk setiap masa, tempat dan peringkat. Di dalamnya dikupas secara terperinci dan menyeluruh mengenai fungsi dan matlamat penganugerahan seks oleh Allah dalam perkahwinan dan pembinaan keluarga.

Segala hal yang berkaitan perkahwinan dan pembinaan keluarga sejak sebelum, selepas, pengasuhan, pendidikan, nafkah, perceraian dan pembahagian pusaka dibicarakan secara amanah dan bertanggungjawab. Sebab itulah pelajaran munakahat wajar diperkenalkan.

Sekolah juga harus menangani masalah remaja secara terbuka. Masalah mereka perlu difahami dan diselesaikan dengan menggunakan psikologi remaja. Kaunseling kepada murid bermasalah di sekolah harus diperkukuhkan.

Persekitaran sekolah wajar menggambarkan isi pendidikan yang diberikan. Selama ini keselarasan menyeluruh tidak wujud antara nilai-nilai agama dan akhlak dengan budaya dan persekitaran sekolah pada keseluruhannya. Sebab itulah kesan mata pelajaran pendidikan Islam, akhlak dan moral kurang kelihatan seperti sepatutnya.

Program Rakan Muda yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah satu langkah positif ke arah menangani masalah remaja khususnya lepak, jenayah dan bohsia. Antara program yang dijangka berkesan ialah Briged Rakan Muda, Rakan Sukan, Rakan Wajadiri, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya, Rakan Rekacipta, Rakan Kecergasan, Rakan Masyarakat, dan Rakan Masjid.

Kerahan tenaga terhadap remaja yang dilaksanakan oleh beberapa negara seperti Singapura, terbukti berkesan mengatasi gejala sosial di kalangan remaja. Di Malaysia kerahan tenaga dicadangkan pada masa akan datang untuk memperkukuh lagi Rakan Muda. Briged Muda adalah komponen program Rakan Muda yang memenuhi konsep kerahan tenaga. Dari semasa ke semasa ia harus diperkembangkan.

Penguatkuasaan undang-undang juga didapati berkesan untuk mengatasi gejala sosial di kalangan remaja. Contohnya, akta yang mengehadkan pergerakan remaja di bawah umur 18 tahun selepas jam 12 hingga 5 pagi yang dikuatkuasakan pada tahun 1994 jelas mujarab.

Unit bimbingan dan kaunseling, bahagian sekolah, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara dan pembangunan masyarakat dan lainnya harus berganding bahu membentuk panel khas untuk menyelaraskan kegiatan agensi kerajaan untuk menangani gejala sosial, terutama dalam penggubalan dasar berkaitan dengan remaja.

Polis Diraja Malaysia seharusnya diberikan sanjungan dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan gejala sosial ini. Kerjasama serupa ini pasti diperlukan pada masa akan datang.

Penutupan pusat maksiat, penjualan kondom, arak harus dipergiat bagi mengelak penyalahgunaannya oleh remaja.

Badan bukan kerajaan juga seharusnya turut serta berganding bahu dengan badan-badan awam untuk menangani gejala Bohsia. Contohnya badan korporat, badan sukarela dan sebagainya boleh mengadakan aktiviti untuk membina diri remaja. Sumbangan kewangan oleh badan korporat setakat ini untuk menjayakan Rakan Muda khususnya dalam bidang sukan sungguh menggalakkan.

Contohnya Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara menjelang tahun 1994 telahpun berjaya mendapat persetujuan daripada 28 syarikat korporat untuk menaja 27 jenis sukan.

Institusi agama seperti masjid dan sebagainya seharusnya mengadakan program untuk menarik lebih ramai lagi remaja ke masjid. Program 'Takmir Masjid' (Rakan Masjid) yang dilancarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri sejak 1994 adalah contoh yang baik yang harus diperkukuhkan lagi. Lebih satu juta remaja menyertainya menjelang 1997.

Tiada siapa yang dapat melepaskan diri daripada pengaruh media massa khususnya remaja. Oleh itu, media massa seharusnya turut serta menangani gejala bohsia. Adegan lucu dan ganas seharusnya dihentikan. Sebaliknya media massa wajar menggantikannya dengan program yang dapat membina kerohanian remaja.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan amaran keras untuk menarik balik lesen stesen televisyen yang menayangkan program berunsur seks. Hal ini dinyatakan di Johor Bahru pada 28 Januari, 1995. Ia petanda betapa seriusnya ancaman dan bahaya program berunsur seks di tv. Menjelang 4 Februari 1995 RTM dan TV3 memberi pengakuan untuk tidak menayang semua program yang mempunyai adegan ganas dan seks.

Ledakan teknologi maklumat menjelang abad ke-21 sungguh hebat. Ia juga memberi kesan negatif. Profesor Harold Thimbleby seorang pakar teknologi maklumat dari Newcastle, England menjelaskan Internet dengan cepat menjadi daerah lumpur merah elektronik (sebuah kawasan lucu), mengedar pornografi ganas dan jijik.

Oleh itu, sistem kawalan berkesan hendaklah diwujudkan untuk membendung perisian memudarat akhlak remaja.

Kesimpulannya, remaja, ibu bapa, sekolah, badan kerajaan, NGO, media massa, teknologi maklumat dan sebagainya harus berganding bahu menangani gejala bohsia.

(END)